Rujukan: UKM.PTP. 100-1/3/1
Tarikh: 23 Oktober 2020

**PEKELILING PENGAJARAN-UKM BIL.11/2020**

**DEKAN/PENGARAH**
**FAKULTI/INSTITUT/PUSAT**
**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof./Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**RALAT: GARIS PANDUAN PELANTIKAN PENASIHAT LUAR *(EXTERNAL ADVISOR)* & PENILAI/PEMERIKSA LUAR *(EXTERNAL EXAMINER)***

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Prof./Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, Mesyuarat Senat Ke 469 bertarikh 23 September 2020 telah meluluskan Garis Panduan Pelantikan Penasihat Luar *(External Advisor)* & Penilai/Pemeriksa Luar *(External Examiner)* Pindaan 2020 berkuat kuasa sepenuhnya enam (6) bulan selepas tarikh Senat tersebut. Sehubungan itu, bersama-sama ini dilampirkan Garis Panduan yang terkini untuk hebahan kepada semua kakitangan di Fakulti/Institut/Pusat Akademik YBhg. Prof./Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof./Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

**PROF. Ir. DR. AHMAD KAMAL ARIFFIN MOHD IHSAN**
Pengarah
Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (PENGAJARAN-UKM)

s.k.
- Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Pengarah Pusat Jaminan Kualiti
- Pengarah Pusat Siswazah
- Pengarah Pusat Kembangan Pendidikan
- Timbalan Pendaftar Pusat Pengurusan Akademik

Universiti Kebangsaan Malaysia
*The National University of Malaysia*

# GARIS PANDUAN PELANTIKAN PENASIHAT LUAR (External Advisor) & PENILAI/ PEMERIKSA LUAR (External Examiner)

## 1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Proses pemantauan, penilaian, kajian semula dan penasihatan terhadap program pengajian serta governans Fakulti/Institut/Pusat Akademik perlu dilaksanakan. Ini bagi memastikan kualiti graduan yang mengikuti program pengajian terbabit mencapai objektif pembelajaran yang ditetapkan serta selaras dengan visi serta misi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

1.2 Proses memantau merujuk kepada usaha untuk mengawasi perjalanan program pengajian bagi memastikan ia dilaksanakan seperti yang dirancang.

1.3 Proses penilaian merujuk kepada usaha pertimbangan untuk memberi pandangan serta justifikasi tentang pelaksanaan sesuatu program pengajian.

1.4 Proses mengkaji semula merujuk kepada usaha tinjauan serta pemeriksaan ke atas pelaksanaan sesuatu program pengajian sebelum melaksanakan penilaian terhadap program tersebut.

1.5 Proses penasihatan merujuk kepada usaha memberikan input untuk penambahbaikan program pengajian.

## 2.0 TUGAS, PERANAN DAN LANTIKAN

### 2.1 Penasihat Luar Program Pengajian

2.1.1 Penasihat Luar Program Pengajian hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang individu luar UKM dari dalam dan luar negara yang mempunyai kelayakan, kepakaran dan/atau pengalaman dalam sesuatu bidang pengajian yang dilantik.

2.1.2 Penasihat luar boleh dilantik dalam kalangan:

- **Alumni (lantikan wajib);**
  - Alumni yang dilantik mestilah daripada program pengajian berkenaan dan telah menjadi alumni UKM dalam tempoh sekurang-kurangnya lima belas (15) tahun.

- **Industri (lantikan wajib);**
  - Wakil pihak industri yang dilantik perlulah berjawatan eksekutif dan profesional dari unit/bahagian yang bersesuaian dengan

bidang program pengajian dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima belas (15) tahun di industri.

- **Agensi kerajaan;**
  - Wakil agensi kerajaan yang dilantik perlulah dari kumpulan pengurusan dan profesional di kementerian/pusat/bahagian/unit yang bersesuaian dengan bidang program pengajian dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima belas (15) tahun di agensi kerajaan.

- **Badan penaja;**
  - Wakil badan penaja yang dilantik perlulah berjawatan eksekutif dan profesional yang mahir serta berpengetahuan dalam proses, prosedur serta keperluan badan penaja yang diwakili. Wakil yang dilantik juga perlu sekurang-kurangnya telah bekerja selama lima belas (15) tahun di organisasi badan penaja.

- **Ahli Akademik;**
  - Ahli akademik yang merupakan pakar bidang dari Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam dan luar negara yang mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima belas (15) tahun dalam pengajaran dan pembelajaran.

2.1.3 Penasihat Luar Program Pengajian berperanan untuk memberikan cadangan dan pandangan di peringkat awal pembangunan program, semasa pelaksanaan program dan semasa semakan semula program pengajian. Maklum balas yang diperlukan merangkumi:

a. Pembangunan dan Penyampaian Program;
b. Penilaian Pembelajaran Pelajar;
c. Pemilihan Pelajar dan Perkhidmatan Sokongan;
d. Kakitangan akademik;
e. Sumber Pendidikan;
f. Pengurusan Program;
g. Mekanisma Pemantauan, Semakan dan Penambahbaikan Program Pengajian.

2.1.4 Terma Rujukan Penasihat Program Pengajian adalah seperti berikut:

a. Memberikan input dan pandangan terhadap kesesuaian reka bentuk program untuk penambahbaikan sebelum persetujuan di peringkat Fakulti/Institut/Pusat Akademik; dan
b. Menyerahkan laporan terhadap penambahbaikan program kepada Dekan/Pengarah.

2.1.5 Penasihat program pengajian dilantik oleh Dekan/Pengarah Fakulti/Institut/Pusat Akademik berdasarkan cadangan nama yang diberikan oleh Ketua Program untuk tempoh sekurang-kurangnya lima (5) tahun.

2.1.6 Kekerapan untuk memperoleh maklum balas yang melibatkan Penasihat Luar Fakulti/Institut/Pusat Akademik adalah sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun. Contoh maklum balas Penasihat Program Pengajian adalah seperti di **Lampiran A.**

### 2.2 Penilai/Pemeriksa Luar Program Pengajian

2.2.1 Penilai/Pemeriksa Luar Program Pengajian hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya dua (2) orang ahli Penilai/Pemeriksa Luar dalam kalangan ahli akademik dari universiti yang terkemuka. Semua Penilai/Pemeriksa Luar tersebut mesti dilantik dalam kalangan ahli akademik daripada IPT di luar negara. Kakitangan akademik yang dilantik:

i. tidak boleh mempunyai kepentingan secara langsung dengan program pengajian berkenaan.
ii. mempunyai kelayakan dan kepakaran dalam bidang pengajian;
iii. mempunyai pengalaman dalam pentadbiran program pengajian;
iv. mempunyai pengalaman melaksanakan penilaian program pengajian dan jelas dengan standard dan kod amalan yang diamalkan di Malaysia;

2.2.2 Penilai/Pemeriksa Luar Program Pengajian dilantik bagi melaksanakan tanggungjawab memantau, menilai, serta mengkaji semula sesuatu kursus atau program pengajian di UKM agar ianya selari dan mencapai keperluan standard akademik yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan badan akreditasi lain yang berkaitan serta relevan dengan keperluan industri. Penilai/Pemeriksa Luar Program Pengajian juga boleh memberikan cadangan melibatkan amalan terbaik dari

IPT yang mempunyai reputasi yang baik untuk dipertimbangkan pelaksanaannya oleh program pengajian.

2.2.3 Terma Rujukan Penilai/Pemeriksa Luar Program Pengajian adalah seperti berikut:

a. Menyemak/memeriksa kerja kursus, projek, kertas soalan dan kertas jawapan peperiksaan pelajar.
b. Menyemak/memeriksa pemarkahan yang telah diberikan kepada pelajar adalah bersesuaian.
c. Menyedia dan meyerahkan laporan penilaian kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) sama ada program/kursus yang terlibat dijalankan mengikut keperluan standard yang telah ditetapkan. Kebiasaannya dokumen adalah SULIT.
d. Memberi cadangan/pandangan terhadap kurikulum program.
e. Memberikan nilai skor prestasi program pengajian.

2.2.4 Semua program pengajian di UKM perlu dinilai oleh Penilai/Pemeriksa Luar Program Pengajian. Penilai/Pemeriksa Luar Program Pengajian terlibat dalam proses semakan dan penilaian sebelum dan selepas sesuatu peperiksaan akhir. Ia dilakukan sekali dalam tempoh tiga (3) tahun untuk liputan penilaian tiga (3) sesi pengajian. Contoh pelaporan oleh Penilai/Pemeriksa Luar Program Pengajian adalah seperti di **Lampiran B**.

2.2.5 Cadangan nama Penilai/Pemeriksa Luar Program Pengajian perlu dihantar ke PENGAJARAN-UKM untuk diperakukan sebelum dilantik oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) mengikut tempoh yang ditetapkan. Borang cadangan nama Penilai/Pemeriksa Luar Program Pengajian adalah seperti di **Lampiran C**.

**2.3** Penetapan pembayaran honorarium adalah berdasarkan jumlah yang dipersetujui di antara pihak Penilai/Pemeriksa Luar Program Pengajian dan Fakulti/Institut/Pusat Akademik tertakluk kepada peraturan kewangan Universiti.

**2.4** Jadual 1 seperti di **Lampiran D** menjelaskan perbezaan Penasihat Luar Program Pengajian dan Penilai/Pemeriksa Luar Program Pengajian.

## 3.0 SKOP PENILAIAN, PEMANTAUAN, SEMAKAN DAN PENASIHATAN

3.1 Proses-proses tersebut perlu dilaksanakan ke atas:

(a) Struktur dan proses hala tuju pentadbiran, kepimpinan dan perancangan program pengajian.

(b) Komponen kurikulum seperti sukatan pelajaran, reka bentuk pembelajaran pengajaran, sistem penyampaian kurikulum, sistem pentaksiran dan penilaian, hasil pembelajaran serta tempoh pengajian.

(c) Struktur fizikal institusi, Fakulti/Institut/Pusat Akademik, jabatan, atau pusat di mana program pengajian terbabit dilaksanakan.

(d) Kemajuan dan pencapaian pelajar, kajian kompetensi graduan serta kajian kebolehpasaran graduan.

(e) Laporan penilaian program dan penilaian kursus.

(f) Maklum balas-maklum balas lain termasuk kajian jangka panjang berkaitan program pengajian.

## 4.0 KAEDAH PELAKSANAAN PENILAIAN, PEMANTAUAN, DAN KAJIAN SEMULA KE ATAS PROGRAM PENGAJIAN

4.1 Secara amnya pendekatan proses-proses yang tersebut di atas perlu dilaksanakan secara sistematik, menyeluruh, tepat dan adil.

4.2 Ia juga perlu dilaksanakan mengikut mekanisme yang betul yang melibatkan analisis data kualitatif dan/ atau kuantitatif berpandukan sumber-sumber rekod atau dokumen seperti;

(a) Dokumen/data penanda aras.
(b) Buku panduan program pengajian.
(c) Portfolio pengajaran yang juga boleh diakses secara dalam talian.
(d) Kurikulum pengajian.
(e) Metodologi pengajaran dan pembelajaran.
(f) Infrastruktur dan teknologi.
(g) Sistem pentadbiran.
(h) Perkhidmatan pendidikan yang berkaitan.
(i) Rekod penilaian dan peperiksaan.
(j) Data pencapaian pelajar.
(k) Data pencapaian Hasil Pembelajaran.

(l) Profil perkembangan pelajar.
(m) Data tentang purata tempoh pengajian.
(n) Data keciciran.
(o) Data permintaan.
(p) Data kebolehpasaran graduan.
(q) Keperluan guna tenaga manusia
(r) Laporan pengalaman pembelajaran pelajar.
(s) Data tentang masa yang digunakan oleh pelajar untuk terlibat dalam aktiviti-aktiviti universiti yang diminati.

4.3 Proses ini juga turut melibatkan analisis data kualitatif dan/atau kuantitatif dari sumber-sumber lain seperti:

(a) Wakil pelajar.
(b) Alumni.
(c) Ahli-ahli akademik/tenaga pengajar.
(d) Wakil majikan.
(e) Badan profesional.
(f) Ibu bapa.

4.4 Pencapaian pelajar perlu dinilai tentang bagaimana ia menyumbang kepada misi institusi, kurikulum pengajian serta hasil pembelajaran.

4.5 Perkembangan pencapaian pelajar perlu dianalisis untuk memberi maklum balas kepada jawatankuasa yang bertanggungjawab membangunkan dasar tentang pemilihan pelajar untuk diterima masuk mendaftar sebagai pelajar UKM.

## 5.0 TINDAKAN SUSULAN

5.1 Setelah menerima laporan dari Penilai/Pemeriksa Luar dan/atau Penasihat Luar, pihak Fakulti/Institut/Pusat Akademik perlu mengambil tindakan selewat-lewatnya dalam tempoh enam (6) bulan selepas penilaian untuk penambahbaikan seperti yang dicadangkan di dalam laporan tersebut.

5.2 Fakulti/Institut/Pusat Akademik perlu mengemukakan alasan serta cadangan/maklum balas sekiranya tidak dapat melaksanakan cadangan yang diberi di dalam laporan yang disediakan oleh Penilai/Pemeriksa Luar dan/atau Penasihat Luar.

5.3 Fakulti/Institut/Pusat Akademik perlu berkongsi maklum balas yang diperolehi daripada Penilai/Pemeriksa Luar dan/atau Penasihat Luar Program Pengajian kepada pihak berkepentingan sebagai makluman.

**LAMPIRAN A**

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
*The National University of Malaysia*

# BORANG MAKLUM BALAS PROGRAM PENGAJIAN OLEH PANEL PENASIHAT PROGRAM BERDASARKAN PORTFOLIO PENILAIAN KENDIRI PROGRAM PENGAJIAN

| **Program** | | **Tarikh** | |
|---|---|---|---|

***Nota : Laporan ini adalah SULIT dan tidak boleh diedarkan kecuali dengan kebenaran Dekan/Pengarah (tambah nama Fakulti/Institut/Pusat Akademik)***

## 1. Pembangunan & Penyampaian Program

**Ulasan:**

**Maklum balas dan cadangan penambahbaikan:**

## 2. Penilaian Pembelajaran Pelajar

**Ulasan:**

**Maklum balas dan cadangan penambahbaikan:**

## 3. Pemilihan Pelajar dan Perkhidmatan Sokongan

**Ulasan:**

**Maklum balas dan cadangan penambahbaikan:**

## 4. Kakitangan akademik

**Ulasan:**

**Maklum balas dan cadangan penambahbaikan:**

## 5. Sumber Pendidikan

**Ulasan:**

**Maklum balas dan cadangan penambahbaikan:**

## 6. Pengurusan Program

**Ulasan:**

**Maklum balas dan cadangan penambahbaikan:**

**7. Mekanisme Pemantauan, Semakan dan Penambahbaikan Program Pengajian**

**Ulasan:**

**Maklum balas dan cadangan penambahbaikan:**

**Skor prestasi program pengajian:**

| Lemah | | | Sederhana | | | Baik | | Cemerlang | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |

**Nilai Skor prestasi program pengajian yang dicadangkan: _______________**

| Disediakan Oleh: | Tandatangan dan Cop |
|---|---|
| | |

| | |
|---|---|
| **Tarikh Penilaian** | |

**LAMPIRAN B**

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
*The National University of Malaysia*

**LAPORAN PENILAIAN OLEH PANEL PENILAI/PEMERIKSA LUAR PROGRAM PENGAJIAN**

| | |
|---|---|
| **Nama Program** | **:** |
| **Bidang Program** | **:** |
| **Tahap Program** | **:** |
| **Nama Fakulti/Institut** | **:** |
| **Alamat Fakulti/Institut** | **:** |
| **Syor/Perakuan** | **:** |
| ***Nota :*** **Laporan ini adalah SULIT dan tidak boleh diedarkan kecuali dengan kebenaran TNCAA/ Dekan/Pengarah** ***(tambah nama Fakulti/Institut/Pusat Akademik)*** | |

| **I. PENILAIAN KESELURUHAN** |
|---|
| **1. *Ulasan:*** |
| ***2. Kekuatan:*** |
| ***3. Pujian:*** |
| ***4. Cadangan Untuk Penambahbaikan:*** |
| ***5. Syarat:*** |

| **II. SYOR PANEL PENILAI** |
|---|
| |

| III. PERAKUAN PANEL PENILAI |
|---|
| **(a) Kepatuhan terhadap keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF)**<br><br>☐ Mematuhi ☐ Mematuhi (Dengan Pembetulan) ☐ Tidak Mematuhi |
| **(b) Kemampuan Fakulti/Institut untuk melaksanakan perubahan hasil semakan/ menawarkan program pengajian yang dicadangkan:**<br><br>☐ **Cemerlang** (penambahbaikan berterusan)<br>☐ **Baik** (syor perlu dilaksanakan/penambahbaikan berterusan)<br>☐ **Sederhana** (syor perlu dilaksanakan)<br>☐ **Lemah** (syarat perlu dilaksanakan sebelum program dikemukakan untuk kelulusan dan Fakulti/Institut perlu memenuhi keperluan yang dinyatakan) |
| **(c) Skor prestasi program pengajian:** |

| **Lemah** | | | **Sederhana** | | | **Baik** | | **Cemerlang** | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **1** | **2** | **3** | **4** | **5** | **6** | **7** | **8** | **9** | **10** |

**Nilai Skor prestasi program pengajian yang dicadangkan: ________________**

| Disediakan Oleh: | Tandatangan dan Cop |
|---|---|
| | |

| | |
|---|---|
| **Tarikh Penilaian** | |

**LAMPIRAN C**

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
*The National University of Malaysia*

**BORANG CADANGAN NAMA PENILAI/PEMERIKSA LUAR PROGRAM PENGAJIAN**
***(untuk perakuan PENGAJARAN-UKM)***

| | | |
|---|---|---|
| **Nama Program** | **:** | |
| **Bidang Program** | **:** | |
| **Tahap Program** | **:** | |
| **Nama Fakulti/Institut** | **:** | |
| **Alamat Fakulti/Institut** | **:** | |

| **PENILAI/PEMERIKSA LUAR PROGRAM PENGAJIAN (LUAR NEGARA) - 1** | | |
|---|---|---|
| **Nama Penilai/Pemeriksa Luar** | **:** | |
| **Afiliasi** | **:** | |
| **Jawatan Pentadbiran** | **:** | |
| **Bidang Kepakaran** | **:** | |
| **Jumlah Tahun Pengalaman dalam Bidang Kepakaran** | **:** | |
| **Biodata Ringkas** | **:** | Sertakan lampiran |
| **Ulasan Ketua Program untuk menyokong cadangan perlantikan** | **:** | |

| **PENILAI/PEMERIKSA LUAR PROGRAM PENGAJIAN (LUAR NEGARA) - 2** | | |
|---|---|---|
| **Nama Penilai/Pemeriksa Luar** | **:** | |
| **Afiliasi** | **:** | |
| **Jawatan Pentadbiran** | **:** | |
| **Bidang Kepakaran** | **:** | |
| **Jumlah Tahun Pengalaman dalam Bidang Kepakaran** | **:** | |
| **Biodata Ringkas** | **:** | Sertakan lampiran |
| **Ulasan Ketua Program untuk menyokong cadangan perlantikan** | **:** | |

| **Disediakan Oleh :**<br>***Nota :*** **Cadangan nama *penilai/pemeriksa luar (luar negara)* dengan kebenaran Dekan/Pengarah *(tambah nama Fakulti/Institut/Pusat Akademik)*** | **Tandatangan dan Cop** |
|---|---|
| **Nama:**<br>**Jawatan:**<br>**Program:**<br>**Fakulti/Institut/Pusat Akademik:**<br>**Ulasan:**<br>**Tarikh:** | |

| **Perakuan Oleh (PENGAJARAN-UKM):** | **Tandatangan dan Cop** |
|---|---|
| ☐ **Diperaku**<br>☐ **Tidak diperaku / Cadangan nama baru**<br><br>**Nama:**<br>**Jawatan:**<br>**Ulasan:**<br>**Tarikh:** | |

**LAMPIRAN D**

## JADUAL 1: PERBEZAAN PENASIHAT LUAR PROGRAM PENGAJIAN DAN PENILAI/PEMERIKSA LUAR PROGRAM PENGAJIAN

| Keahlian | Penasihat Luar | Penilai/Pemeriksa Luar |
|---|---|---|
| | • Sekurang-kurangnya **tiga (3) orang individu luar UKM yang mempunyai kelayakan, kepakaran dan/atau pengalaman** dalam sesuatu bidang pengajian yang dilantik.<br>• boleh dilantik dalam kalangan **wakil alumni (lantikan wajib), industri (lantikan wajib)**, agensi kerajaan, badan penaja dan ahli akademik (pakar bidang) dari dalam dan luar negara. | • Sekurang-kurangnya **dua (2) orang ahli Penilai/Pemeriksa Luar dalam kalangan ahli akademik dari universiti yang ternama**. **Semua** Penilai/Pemeriksa Luar tersebut **mesti dilantik dalam kalangan ahli akademik daripada IPT di luar negara.**<br>• Kakitangan akademik yang dilantik:<br>i. tidak boleh mempunyai kepentingan secara langsung dengan program pengajian berkenaan.<br>ii. mempunyai kelayakan dan kepakaran dalam bidang pengajian;<br>iii. mempunyai pengalaman dalam pentadbiran program pengajian;<br>iv. mempunyai pengalaman melaksanakan penilaian program pengajian dan jelas dengan standard dan kod amalan yang diamalkan di Malaysia;<br>• Penilai/Pemeriksa Luar dalam kalangan ahli akademik daripada IPT dari luar negara perlu memenuhi sekurang-kurangnya **syarat i) dan ii)**. |
| **Peranan** | Memberikan cadangan dan pandangan di peringkat awal pembangunan program, semasa pelaksanaan program dan semasa semakan semula program pengajian. | Melaksanakan tanggungjawab memantau, menilai, serta mengkaji semula sesuatu kursus atau program pengajian di UKM agar ianya selari dan mencapai keperluan standard akademik yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan badan akreditasi lain yang berkaitan. |
| **Terma Rujukan** | a. Memberikan input dan pandangan terhadap kesesuaian reka bentuk program untuk penambahbaikan sebelum persetujuan di peringkat fakulti/institut/pusat akademik; dan<br>b. Menyerahkan laporan terhadap penambahbaikan program kepada Dekan/Pengarah. | a. Menyemak/memeriksa kerja kursus, projek, kertas soalan dan kertas jawapan peperiksaan pelajar.<br>b. Menyemak/memeriksa pemarkahan yang telah diberikan kepada pelajar adalah bersesuaian.<br>c. Menyediakan laporan penilaian kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) sama ada program/kursus yang terlibat |

| | | |
|---|---|---|
| | | dijalankan mengikut keperluan standard yang telah ditetapkan. Kebiasaannya dokumen adalah SULIT.<br>d. Memberi cadangan/pandangan terhadap kurikulum program.<br>e. Memberikan nilai skor prestasi program pengajian. |
| **Lantikan** | Dilantik oleh Dekan/Pengarah fakulti/institut/pusat akademik berdasarkan cadangan nama yang diberikan oleh Ketua Program untuk tempoh sekurang-kurangnya lima (5) tahun. | Cadangan nama Penilai/Pemeriksa Luar Program Pengajian perlu dihantar ke PENGAJARAN-UKM untuk diperakukan sebelum dilantik oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa). Borang cadangan nama Penilai/Pemeriksa Luar Program Pengajian adalah seperti di **Lampiran C**. |
| **Kekerapan Mendapatkan Maklum Balas** | Sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun. | Terlibat dalam proses semakan dan penilaian sebelum dan selepas sesuatu peperiksaan akhir. Ia dilakukan sekali dalam tempoh tiga (3) tahun untuk liputan penilaian tiga (3) sesi pengajian. |
| **Pembayaran honorarium** | Keperluannya adalah mengikut budi bicara fakulti/institut/pusat akademik dan tertakluk kepada peraturan kewangan Universiti. | Berdasarkan jumlah yang dipersetujui di antara pihak Penilai/Pemeriksa Luar Program Pengajian dan fakulti/institut/pusat akademik tertakluk kepada peraturan kewangan Universiti. |

# SENARAI PINDAAN TERHADAP GARIS PANDUAN PELANTIKAN PENILAI LUAR DAN PENASIHAT LUAR [(2019): VERSI 2 (PINDAAN 2020)]

| Bil. | (2019) | Catatan | (Pindaan 2020) |
|---|---|---|---|
| | | | |
| 1.1 | **2.1.2 Tugas, Peranan dan Lantikan**<br><br>i. Alumni;<br>• Alumni yang dilantik mestilah daripada program pengajian berkenaan dan telah menjadi alumni UKM dalam tempoh 3-5 tahun.<br><br>ii. Industri;<br>• Wakil pihak industri yang dilantik perlulah berjawatan eksekutif dan profesional dari unit/bahagian yang bersesuaian dengan bidang program pengajian dan telah bekerja sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam unit/bahagian berkenaan.<br><br>iii. Agensi kerajaan;<br>• Wakil agensi kerajaan yang dilantik perlulah dari kumpulan pengurusan dan profesional di kementerian/pusat/bahagian/unit yang bersesuaian dengan bidang program pengajian dan telah bekerja sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam kementerian/pusat/bahagian/unit berkenaan.<br><br>iv. Badan penaja<br>• Wakil badan penaja yang dilantik perlulah berjawatan eksekutif dan profesional yang mahir serta berpengetahuan dalam proses, prosedur serta keperluan badan penaja yang diwakili. Wakil yang dilantik juga perlu sekurang-kurangnya telah bekerja selama lima (5) tahun di organisasi badan penaja tersebut. | Dipinda | **2.1.2 Tugas, Peranan dan Lantikan**<br><br>i. Alumni (lantikan wajib);<br>• Alumni yang dilantik mestilah daripada program pengajian berkenaan dan telah menjadi alumni UKM dalam tempoh sekurang-kurangnya lima belas (15) tahun.<br><br>ii. Industri (lantikan wajib);<br>• Wakil pihak industri yang dilantik perlulah berjawatan eksekutif dan profesional dari unit/bahagian yang bersesuaian dengan bidang program pengajian dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima belas (15) tahun di industri.<br><br>iii. Agensi kerajaan;<br>• Wakil agensi kerajaan yang dilantik perlulah dari kumpulan pengurusan dan profesional di kementerian/pusat/bahagian/unit yang bersesuaian dengan bidang program pengajian dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima belas (15) tahun di agensi kerajaan<br><br>iv. Badan penaja;<br>• Wakil badan penaja yang dilantik perlulah berjawatan eksekutif dan profesional yang mahir serta berpengetahuan dalam proses, prosedur serta keperluan badan penaja yang diwakili. Wakil yang dilantik juga perlu sekurang-kurangnya telah bekerja sekurang-kurangnya lima belas (15) tahun di organisasi badan penaja. |

| Bil. | (2019) | Catatan | (Pindaan 2020) |
|---|---|---|---|
| | v. Ahli Akademik<br>• Ahli akademik yang merupakan pakar bidang dari Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam dan luar negara. | | v. Ahli Akademik<br>• Ahli akademik yang merupakan pakar bidang dari Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam dan luar negara yang mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima belas (15) tahun dalam pengajaran dan pembelajaran. |
| 1.2 | 2.4.1 Terma Rujukan Penasihat Program Pengajian adalah seperti berikut:<br>a. Memberikan input dan pandangan terhadap kesesuaian reka bentuk program untuk penambahbaikan sebelum persetujuan di peringkat fakulti/institut/pusat akademik; dan<br>b. Menyerahkan laporan terhadap penambahbaikan program kepada Ketua Program. | Dipinda | 2.4.1 Terma Rujukan Penasihat Program Pengajian adalah seperti berikut:<br>a. Memberikan input dan pandangan terhadap kesesuaian reka bentuk program untuk penambahbaikan sebelum persetujuan di peringkat fakulti/institut/pusat akademik; dan<br>b. Menyerahkan laporan terhadap penambahbaikan program kepada Dekan/Pengarah. |
| 1.3 | 2.2.1 Penilai/Pemeriksa Luar Program Pengajian hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya dua (2) orang ahli Penilai/Pemeriksa Luar dalam kalangan ahli akademik dari IPT lain yang lebih baik. Salah seorang daripada Penilai/Pemeriksa Luar tersebut mesti dilantik dalam kalangan ahli akademik daripada IPT di luar negara. Kakitangan akademik yang dilantik:<br>iv. mempunyai pengalaman melaksanakan penilaian program pengajian dan jelas dengan standard dan kod amalan yang diamalkan di Malaysia; | Dipinda/ Ditambah | 2.2.1 Penilai/Pemeriksa Luar Program Pengajian hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya dua (2) orang ahli Penilai/Pemeriksa Luar dalam kalangan ahli akademik dari universiti yang terkemuka. Semua Penilai/Pemeriksa Luar tersebut mesti dilantik dalam kalangan ahli akademik daripada IPT di luar negara. Kakitangan akademik yang dilantik:<br>iv. mempunyai pengalaman melaksanakan penilaian program pengajian dan jelas dengan standard dan kod amalan yang diamalkan di Malaysia; |
| **1.4** | 2.2.2 Penilai/Pemeriksa Luar Program Pengajian dilantik bagi melaksanakan tanggungjawab memantau, menilai, serta mengkaji semula sesuatu kursus atau program pengajian di UKM agar ianya selari dan mencapai keperluan standard akademik yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan badan akreditasi lain yang | Dipinda | 2.2.2 Penilai/Pemeriksa Luar Program Pengajian dilantik bagi melaksanakan tanggungjawab memantau, menilai, serta mengkaji semula sesuatu kursus atau program pengajian di UKM agar ianya selari dan mencapai keperluan standard akademik yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan badan akreditasi lain yang berkaitan |

| Bil. | (2019) | Catatan | (Pindaan 2020) |
|---|---|---|---|
| | berkaitan. Penilai/Pemeriksa Luar Program Pengajian juga boleh memberikan cadangan melibatkan amalan terbaik dari IPT yang mempunyai reputasi lebih baik dari UKM untuk dipertimbangkan pelaksanaannya oleh program pengajian. | | serta relevan dengan keperluan industri. Penilai/Pemeriksa Luar Program Pengajian juga boleh memberikan cadangan melibatkan amalan terbaik dari IPT yang mempunyai reputasi yang baik untuk dipertimbangkan pelaksanaannya oleh program pengajian. |
| **1.5** | 2.2.3 Terma Rujukan Penilai/Pemeriksa Luar Program Pengajian adalah seperti berikut:<br>a. Menyemak/memeriksa kerja kursus, projek, kertas soalan dan kertas jawapan peperiksaan pelajar.<br>b. Menyemak/memeriksa pemarkahan yang telah diberikan kepada pelajar adalah bersesuaian.<br>c. Menyedia dan meyerahkan laporan penilaian kepada Naib Canselor sama ada program/kursus yang terlibat dijalankan mengikut keperluan standard yang telah ditetapkan. Kebiasaannya dokumen adalah SULIT.<br>d. Memberi cadangan/pandangan terhadap kurikulum program (jika perlu). | | 2.2.3 Terma Rujukan Penilai/Pemeriksa Luar Program Pengajian adalah seperti berikut:<br>a. Menyemak/memeriksa kerja kursus, projek, kertas soalan dan kertas jawapan peperiksaan pelajar.<br>b. Menyemak/memeriksa pemarkahan yang telah diberikan kepada pelajar adalah bersesuaian.<br>c. Menyedia dan meyerahkan laporan penilaian kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) sama ada program/kursus yang terlibat dijalankan mengikut keperluan standard yang telah ditetapkan. Kebiasaannya dokumen adalah SULIT.<br>d. Memberi cadangan/pandangan terhadap kurikulum program.<br>e. Memberikan nilai skor prestasi program pengajian. |
| **1.6** | 2.2.4 Semua program pengajian di UKM perlu dinilai oleh Penilai/Pemeriksa Luar Program Pengajian. Penilai/Pemeriksa Luar Program Pengajian terlibat dalam proses semakan dan penilaian sebelum dan selepas sesuatu peperiksaan akhir. Ia dilakukan sekali dalam tempoh tiga (3) tahun untuk liputan penilaian tiga (3) sesi pengajian. Contoh pelaporan oleh Penilai Program Pengajian adalah seperti di **Lampiran B**. | <u>Dipinda</u> | 2.2.4 Semua program pengajian di UKM perlu dinilai oleh Penilai/Pemeriksa Luar Program Pengajian. Penilai/Pemeriksa Luar Program Pengajian terlibat dalam proses semakan dan penilaian sebelum dan selepas sesuatu peperiksaan akhir. Ia dilakukan sekali dalam tempoh tiga (3) tahun untuk liputan penilaian tiga (3) sesi pengajian. Contoh pelaporan oleh Penilai/Pemeriksa Luar Program Pengajian adalah seperti di **Lampiran B**. |
| **1.7** | 2.2.5 Penilai/Pemeriksa Luar Program Pengajian dilantik oleh Naib Canselor UKM berdasarkan cadangan nama yang diberikan oleh fakulti/institut/pusat akademik mengikut tempoh yang ditetapkan. | <u>Dipinda</u> | 2.2.5 Cadangan nama Penilai/Pemeriksa Luar Program Pengajian perlu dihantar ke PENGAJARAN-UKM untuk diperakukan sebelum dilantik oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) mengikut tempoh yang ditetapkan . Borang cadangan nama Penilai/Pemeriksa Luar Program Pengajian adalah seperti di **Lampiran C**. |

<table>
<tr><th>Bil.</th><th>(2019)</th><th>Catatan</th><th>(Pindaan 2020)</th></tr>
<tr><td>1.8</td><td>2.4 Jadual 1 seperti di Lampiran C menjelaskan perbezaan Penasihat Luar Program Pengajian dan Penilai/Pemeriksa Luar Program Pengajian.</td><td><u>Dipinda</u></td><td>2.4 Jadual 1 seperti di Lampiran D menjelaskan perbezaan Penasihat Luar Program Pengajian dan Penilai/Pemeriksa Luar Program Pengajian.</td></tr>
<tr><td>1.9</td><td>5.3 Fakulti/institut/pusat akademik perlu berkongsi maklum balas yang diperolehi daripada Penilai Program Pengajian kepada pihak berkepentingan sebagai makluman.</td><td><u>Ditambah</u></td><td>5.3 Fakulti/institut/pusat akademik perlu berkongsi maklum balas yang diperolehi daripada Penilai/Pemeriksa Luar dan/atau Penasihat Luar Program Pengajian kepada pihak berkepentingan sebagai makluman.</td></tr>
<tr><td>2.0</td><td><u>LAMPIRAN A</u> BORANG MAKLUM BALAS PROGRAM PENGAJIAN OLEH PANEL PENASIHAT PROGRAM BERDASARKAN PORTFOLIO PENILAIAN KENDIRI PROGRAM PENGAJIAN<br><br><table><tr><th>Disediakan Oleh:</th><th>Tandatangan</th></tr><tr><td></td><td></td></tr></table></td><td><u>Ditambah</u></td><td><u>LAMPIRAN A</u> BORANG MAKLUM BALAS PROGRAM PENGAJIAN OLEH PANEL PENASIHAT PROGRAM BERDASARKAN PORTFOLIO PENILAIAN KENDIRI PROGRAM PENGAJIAN<br><br>Skor prestasi program pengajian:<br><br><table><tr><th colspan="3">Lemah</th><th colspan="3">Sederhana</th><th colspan="2">Baik</th><th colspan="2">Cemerlang</th></tr><tr><td>1</td><td>2</td><td>3</td><td>4</td><td>5</td><td>6</td><td>7</td><td>8</td><td>9</td><td>10</td></tr></table><br>Nilai Skor prestasi program pengajian yang dicadangkan: ________________<br><br><table><tr><th>Disediakan Oleh:</th><th>Tandatangan dan Cop</th></tr><tr><td></td><td></td></tr></table></td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>Bil.</th><th>(2019)</th><th>Catatan</th><th>(Pindaan 2020)</th></tr>
<tr><td>2.1</td><td>
LAMPIRAN B LAPORAN PENILAIAN OLEH PANEL PENILAI/PEMERIKSA LUAR PROGRAM PENGAJIAN<br><br>
Nota : Laporan ini adalah SULIT dan tidak boleh diedarkan kecuali dengan kebenaran Dekan/Pengarah (tambah nama fakulti/institut/pusat)<br><br>
(b) Kemampuan Fakulti/Institut untuk melaksanakan perubahan hasil semakan/ menawarkan program pengajian yang dicadangkan:<br><br>
☐ Baik<br>
☐ Sederhana (syor perlu dilaksanakan)<br>
☐ Lemah (syarat perlu dilaksanakan sebelum program dikemukakan untuk kelulusan dan Fakulti/Institut perlu memenuhi keperluan yang dinyatakan)<br><br>
<table><tr><th>Disediakan Oleh:</th><th>Tandatangan</th></tr><tr><td></td><td></td></tr></table>
</td><td><u>Ditambah</u></td><td>
LAMPIRAN B LAPORAN PENILAIAN OLEH PANEL PENILAI/PEMERIKSA LUAR PROGRAM PENGAJIAN<br><br>
Nota : Laporan ini adalah SULIT dan tidak boleh diedarkan kecuali dengan kebenaran TNCAA/ Dekan/Pengarah (tambah nama fakulti/institut/pusat)<br><br>
(c) Kemampuan Fakulti/Institut untuk melaksanakan perubahan hasil semakan/ menawarkan program pengajian yang dicadangkan:<br><br>
☐ Cemerlang (penambahbaikan berterusan)<br>
☐ Baik (syor perlu dilaksanakan/penambahbaikan berterusan)<br>
☐ Sederhana (syor perlu dilaksanakan)<br>
☐ Lemah (syarat perlu dilaksanakan sebelum program dikemukakan untuk kelulusan dan Fakulti/Institut perlu memenuhi keperluan yang dinyatakan)<br><br>
(c) Skor prestasi program pengajian:<br><br>
<table><tr><th colspan="3">Lemah</th><th colspan="3">Sederhana</th><th colspan="2">Baik</th><th colspan="2">Cemerlang</th></tr><tr><td>1</td><td>2</td><td>3</td><td>4</td><td>5</td><td>6</td><td>7</td><td>8</td><td>9</td><td>10</td></tr></table><br>
Nilai Skor prestasi program pengajian yang dicadangkan: _______________<br><br>
<table><tr><th>Disediakan Oleh:</th><th>Tandatangan dan Cop</th></tr><tr><td></td><td></td></tr></table>
</td></tr>
</table>

| Bil. | (2019) | Catatan | (Pindaan 2020) |
|---|---|---|---|
| 2.2 | | Ditambah | **LAMPIRAN C**<br>Nota: Lampiran ini adalah lampiran tambahan borang cadangan nama penilai/pemeriksa luar oleh Ketua Program kepada PENGAJARAN-UKM. |
| 2.3 | **JADUAL 1: PERBEZAAN PENASIHAT LUAR PROGRAM PENGAJIAN DAN PENILAI/PEMERIKSA LUAR PROGRAM PENGAJIAN (2019)** | | **JADUAL 1: PERBEZAAN PENASIHAT LUAR PROGRAM PENGAJIAN DAN PENILAI/PEMERIKSA LUAR PROGRAM PENGAJIAN (Pindaan 2020)** |
| 2.4 | **Penasihat Luar** | | **Penasihat Luar** |
| 2.5 | • Sekurang-kurangnya **tiga (3) orang individu luar UKM yang mempunyai kelayakan, kepakaran dan/atau pengalaman** dalam sesuatu bidang pengajian yang dilantik.<br><br>boleh dilantik dalam kalangan wakil alumni, industri, agensi kerajaan, badan penaja dan ahli akademik (pakar bidang) dari dalam dan luar negara. | Dipinda | • Sekurang-kurangnya **tiga (3) orang individu luar UKM yang mempunyai kelayakan, kepakaran dan/atau pengalaman** dalam sesuatu bidang pengajian yang dilantik.<br>• boleh dilantik dalam kalangan **wakil alumni (lantikan wajib), industri (lantikan wajib)**, agensi kerajaan, badan penaja dan ahli akademik (pakar bidang) dari dalam dan luar negara. |
| 2.6 | a. Memberikan input dan pandangan terhadap kesesuaian reka bentuk program untuk penambahbaikan sebelum persetujuan di peringkat fakulti/institut/pusat akademik; dan<br>b. Menyerahkan laporan terhadap penambahbaikan program kepada Ketua Program. | Dipinda | a. Memberikan input dan pandangan terhadap kesesuaian reka bentuk program untuk penambahbaikan sebelum persetujuan di peringkat fakulti/institut/pusat akademik; dan<br>b. Menyerahkan laporan terhadap penambahbaikan program kepada Dekan/Pengarah. |
| 2.7 | **Penilai/Pemeriksa Luar** | | **Penilai/Pemeriksa Luar** |
| 2.8 | • Sekurang-kurangnya **dua (2) orang ahli Penilai/Pemeriksa Luar dalam kalangan ahli akademik dari IPT lain yang lebih baik**. **Salah seorang** daripada Penilai/Pemeriksa Luar tersebut **mesti dilantik dalam kalangan ahli akademik daripada IPT di luar negara.**<br>• Kakitangan akademik yang dilantik:<br>i. tidak boleh mempunyai kepentingan secara langsung dengan program pengajian berkenaan.<br>ii. mempunyai kelayakan dan kepakaran dalam bidang pengajian;<br>iii. mempunyai pengalaman dalam pentadbiran program pengajian;<br>iv. mempunyai pengalaman melaksanakan penilaian program pengajian dan jelas | Dipinda/ Ditambah | • Sekurang-kurangnya **dua (2) orang ahli Penilai/Pemeriksa Luar dalam kalangan ahli akademik dari universiti yang ternama**. **Semua** Penilai/Pemeriksa Luar tersebut **mesti dilantik dalam kalangan ahli akademik daripada IPT di luar negara.**<br>• Kakitangan akademik yang dilantik:<br>i. tidak boleh mempunyai kepentingan secara langsung dengan program pengajian berkenaan.<br>ii. mempunyai kelayakan dan kepakaran dalam bidang pengajian;<br>iii. mempunyai pengalaman dalam pentadbiran program pengajian;<br>iv. mempunyai pengalaman melaksanakan penilaian program pengajian dan jelas |

| Bil. | (2019) | Catatan | (Pindaan 2020) |
|---|---|---|---|
| | dengan standard dan kod amalan yang diamalkan di Malaysia; | | dengan standard dan kod amalan yang diamalkan di Malaysia;<br><br>Penilai/Pemeriksa Luar dalam kalangan ahli akademik daripada IPT dari luar negara perlu memenuhi sekurang-kurangnya **syarat i) dan ii)**. |
| **2.9** | Melaksanakan tanggungjawab memantau, menilai, serta mengkaji semula sesuatu kursus atau program pengajian di UKM agar ianya selari dan mencapai keperluan standard akademik yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan badan akreditasi lain yang berkaitan | | Melaksanakan tanggungjawab memantau, menilai, serta mengkaji semula sesuatu kursus atau program pengajian di UKM agar ianya selari dan mencapai keperluan standard akademik yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan badan akreditasi lain yang berkaitan. |
| **2.10** | a. Menyemak/memeriksa kerja kursus, projek, kertas soalan dan kertas jawapan peperiksaan pelajar.<br>b. Menyemak/memeriksa pemarkahan yang telah diberikan kepada pelajar adalah bersesuaian.<br>c. Menyediakan laporan penilaian kepada Naib Canselor sama ada program/kursus yang terlibat dijalankan mengikut keperluan standard yang telah ditetapkan. Kebiasaannya dokumen adalah SULIT.<br>d. Memberi cadangan/pandangan terhadap kurikulum program (jika perlu). | <u>Dipinda/</u><br><u>Ditambah</u> | a. Menyemak/memeriksa kerja kursus, projek, kertas soalan dan kertas jawapan peperiksaan pelajar.<br>b. Menyemak/memeriksa pemarkahan yang telah diberikan kepada pelajar adalah bersesuaian.<br>c. Menyediakan laporan penilaian kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) sama ada program/kursus yang terlibat dijalankan mengikut keperluan standard yang telah ditetapkan. Kebiasaannya dokumen adalah SULIT.<br>d. Memberi cadangan/pandangan terhadap kurikulum program.<br>e. Memberikan nilai skor prestasi program pengajian. |
| **2.11** | Dilantik oleh Naib Canselor UKM berdasarkan cadangan nama yang diberikan oleh fakulti/institut/pusat akademik mengikut tempoh yang ditetapkan | <u>Dipinda/</u><br><u>Ditambah</u> | Cadangan nama Penilai/Pemeriksa Luar Program Pengajian perlu dihantar ke PENGAJARAN-UKM untuk diperakukan sebelum dilantik oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa). Borang cadangan nama Penilai/Pemeriksa Luar Program Pengajian adalah seperti di **Lampiran C**. |